

Get ENERGY Sector News Updates
via energy.bernama.com

TERKINI / LATEST

Three killed, three hurt in elevator crash at construction site [10m ago]



ENJOY CHEAPER ELECTRICITY BILLS VIA NEM PROGRAMME
Create a sustainable future with renewable energy.
[click for more info](#)

Perusahaan Malaysia perlu tingkat kemahiran pekerja dalam AI dan teknologi

Tarikh kemaskini: 13/08/2019



Oleh Niam Seet Wei

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Perusahaan Malaysia perlu meningkatkan kemahiran pekerja serta mengguna pakai teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk menambah nilai syarikat dan bukan semata-mata tertumpu kepada mencari keuntungan melalui kaedah pengurangan kos, kata pakar.

Pengarah Eksekutif, Ketua Bakat dan Perniagaan Ganjaran Willis Towers Watson Malaysia, Dr Tan Juan Jim berkata langkah tersebut akan dapat menghilangkan kebimbangan di kalangan kakitangan bahawa penggunaan pendigitalan dan automasi akan membawa kepada kehilangan pekerjaan mereka.

Majikan harus mendidik dan memahamkan pekerja mengenai hala tuju syarikat, katanya kepada Bernama semasa ceramah "Power Talk" yang dianjurkan di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di sini hari ini.

Beliau ketika ditanya mengenai tahap kesedaran penggunaan pendigitalan serta Internet Pelbagai Perkara (IoT) di kalangan perusahaan tempatan, menjelaskan kesedaran mengenai perkara tersebut telah wujud tetapi mereka belum tahu untuk menarik nilai daripada pengetahuan itu.

Sementara itu, Pengarah Urusan Peniagaan Ganjaran Willis Towers Watson Asia Pasifik, Shai Ganu berkata kaji selidik mengenai masa depan pekerjaan yang dibuat oleh syarikat berkenaan baru-baru ini mencadangkan bahawa untuk perusahaan mencatatkan kejayaan dalam era digital, perdebatan mengenai teknologi ini harus dikurangkan dan tumpuan perlu dibuat ke atas sumber insani.

"Dahulu, kita banyak tertumpu kepada buruh atau peranan manual tetapi sekarang, tanggungjawab utama Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan adalah untuk memastikan bahawa kemahiran mereka dipertingkatkan supaya mereka boleh mengambil peranan digital yang lebih besar dan lebih baik.

Ditanya bagaimana kerajaan dapat membaiki keadaan ini, Shai menjelaskan kerajaan Singapura telah pun mencatatkan kejayaan untuk dijadikan contoh.

"Kerajaan pada dasarnya sedang membangunkan atau mengenal pasti kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri untuk masa depan dan ia (Singapura) telah mengemukakan tiga langkah iaitu perancangan tenaga manusia, inventori kemahiran dan latihan kepada peningkatan kemahiran serta kemahiran semula kakitangan," katanya.

Ceramah "Power Talk" telah dianjurkan oleh Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM), dan Shai Ganu merupakan salah seorang penceramah pada acara itu.

-- BERNAMA

Berita Utama Terdahulu

- Pasukan patologi tiba di HTJ pagi ini untuk bedah siasat mayat Nora Anne
- Khat, Dong Zong dan perpaduan kaum
- Malaysia negara keempat risau meniti usia tua - Ipsos
- Percutian bertukar tragik, mayat Nora Anne ditemui
- Kronologi kehilangan Nora Anne Quoirin



Utama | Am | Politik | Ekonomi | Sukan | Rencana | Dunia | Arkib | Siaran Media Eksklusif | Suapan RSS
| Laman Web Korporat | IMAGES

Facebook | Twitter | Instagram

© 2019 BERNAMA. Semua Hak Cipta Terpelihara. Penafian | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari pihak BERNAMA.

Paparan terbaik menggunakan Firefox 58.0.1 (64-bit) & Chrome Version 63.0.3239.132 (Official Build) (64-bit) dalam resolusi 1920 x 1080 piksel

Hubungi kami : 03-2693 9933 (Am) E-mel : helpdesk@bernama.com, 03-2050 4466
(Jualan/Perkhidmatan) | E-mel : portal@bernama.com